

## ■ Najib yakin negara mampu berperanan lebih besar di Asia, dunia

Oleh Syah Rui Aswari Abdullah  
srul@mediaprima.com.my  
Kuala Lumpur

**P**erdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, Malaysia perlu berperanan sebagai kuasa tengah (middle power) di rantau Asia, dalam usahanya mencapai status maju berpendapatan tinggi pada 2020.

Beliau berkata, kuasa tengah bermakna negara perlu berperanan lebih besar di Asia dalam membantu negara lain di rantau ini berperanan lebih berkesan di peringkat dunia.

“Masyarakat antarabangsa dan warga negara kita mengharapkan negara menggalas kepimpinan dan tanggungjawab bersama itu,” katanya selepas merasmikan Persidangan Ketua-ketua Perwakilan ke-8 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR), di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Timbalannya Datuk Hamzah Zainudin.

Dalam pada itu, Najib juga mengingatkan bahawa pera-

# Malaysia jadi kuasa tengah



**NAJIB** selepas merasmikan IDFR di Kuala Lumpur, semalam.

nan kuasa tengah turut memerlukan komitmen negara terhadap ASEAN, sekali gus berperanan lebih besar di peringkat antarabangsa.

“Jika suara kita tidak ada pengaruh (di Asia Tenggara), suara kita tidak akan dide-ngari di mana-mana.

“Oleh itu, kita mesti menumpukan sumber bagi memperkukuh hubungan bilateral dengan negara jiran,

“Polisi asing yang kuat di negara ini akan membawa bersama ‘think-tanks’ (pemikir), kerusi akademik dan yayasan yang akan mengukuhkan kita untuk menjalin sebarang kerjasama bagi membawa perubahan”

**Najib Razak**

dan terus menghargai ASEAN sebagai titik galang keamanan, kesejahteraan dan kestabilan di rantau ini,” katanya.

Dalam usaha itu, Malaysia perlu memperkemas perancangan dan pelaksanaan program kerjasama dan bantuan menerusi bilateral, serantau dan pelbagai hala.

Katanya, negara juga perlu menilai impak program seumpama itu supaya ia lebih berkesan dan efektif.

“Biarpun kita mahu mengadakan pelbagai usaha berhubung perkara ini, kita perlu menumpukan sumber kepada inisiatif yang dapat memberikan pulangan terbaik kepada kita,” katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan perwakilan bahawa gabungan paling berkesan pada masa hadapan adalah yang membabitkan kerjasama antara negara membangun dan negara maju.

Sehubungan itu, katanya, negara perlu bergerak pantas mencari jalan untuk menyertai gabungan seumpama itu dengan pihak yang berkongsi matlamat sama.

“Polisi asing yang kuat di negara ini akan membawa bersama ‘think-tanks’ (pemikir), kerusi akademik dan yayasan yang akan mengukuhkan kita untuk menjalin sebarang kerjasama bagi membawa perubahan,” katanya.

Pada majlis sama, Najib turut merakamkan penghargaan terhadap perwakilan atas rekod perkhidmatan dan dedikasi mereka dalam urusan diplomasi negara.

Beliau berkata, sebagai perwakilan yang mewakili negara di peringkat dunia, mereka memiliki peranan unik.

“Di tangan anda, terletak tugas untuk memastikan Malaysia gah di persada antarabangsa. Berdasarkan pengalaman terdahulu, saya yakin anda mampu menggalas cabaran ini,” katanya.

**Giant**  
Kupon sah dari 25 - 27 FEB 2014

**22000**

**KUPON DISKAUN RM100**

**TERMASUK & SYARAT:**

- Satu kupon adalah sah untuk pembelian 1 Unit sahaja.
- Kupon TIDAK BOLEH ditukar untuk tunai.
- Kupon sah untuk harga promosi.
- Sah di Giant Sememang, Malaysia sahaja.
- Hanya sah untuk kupon asal dan salinan fotostat tidak akan diterima.

(Tidak termasuk barangan habis)

8 806085 525856